



01 FEB, 2023

## Tampung kenaikan kos tarif elektrik guna solar

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

## Tampung kenaikan kos tarif elektrik guna solar

**Melaka:** Isu kenaikan tarif elektrik yang membebani pemain industri perhotelan mampu ditangani dengan beralih kepada tenaga boleh diperbaharui (RE) atau penggunaan tenaga solar.

Pengarah Urusan Gading Kencana Sdn Bhd, Datuk Dr Ir Muhammad Gunter Mansor Tobeng berkata, peralihan itu penting memandangkan 388 hotel bertaraf lima dan empat bintang di seluruh negara terkesan dengan kenaikan kos tinggi daripada surc妖 20 sen/kwj atau 40 peratus kenaikan akibat pelarasan tarif elektrik.

“Kami terima maklum balas daripada persatuan dan pengusaha hotel bahawa mereka berdepan kenaikan kos operasi selepas

tarif elektrik diselaraskan baru-baru ini, terutama hotel lima dan empat bintang yang menggunakan 1 juta kilowat jam sebulan berbanding hotel bajet dan bertaraf tiga bintang ke bawah.

“Justeru alternatif terbaik buat pengendali industri perhotelan adalah beralih menggunakan tenaga boleh baharu atau memasang panel solar di bumbung hotel,” katanya yang juga seorang pengendali ladang solar terbesar di Malaysia.

Beliau berkata demikian pada program Hotel Industry Meetup (HIM) anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bersama pengusaha hotel dari Melaka, Negeri Sembilan dan Johor, semalam.  
-Bernama